

PM tegaskan sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin



ANWAR (kanan) bersalaman dengan Ismail dalam satu pertemuan sebelum ini. FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

PETALING JAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, beliau telah berhubung dengan Ketua Biro Politik Hamas, Ismail Haniyeh semalam untuk menyatakan sokongan yang tidak berbelah bahagi Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin.

Anwar menerusi satu hantaran di Facebook berkata, beliau sangat menyokong pemberhentian segera pengeboman dan penubuhan koridor kemanusiaan di Rafah.

“Ia juga penting bagi Israel untuk meninggalkan kepatuhan mereka kepada politik peram-

pasan, gencatan senjata dengan Hamas secara serta-merta dan benar-benar mengejar satu resolusi aman untuk menamatkan konflik yang berterusan.

“Adalah penting dan terpenting untuk mengutamakan kesejahteraan dan keselamatan semua individu yang terjejas disebabkan krisis yang berlaku,” katanya.

Pada masa sama, Anwar turut menyampaikan komitmen Malaysia yang akan turut serta menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada Palestin menerusi pelbagai barangan keperluan.

“Dalam semangat ini, kami

(Malaysia) komited untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan, khususnya dalam bentuk makanan dan ubat-ubatan untuk meringankan penderitaan mereka (penduduk Palestin) yang memerlukan,” jelasnya.

Terdahulu, Anwar mengumumkan Malaysia akan menyalurkan bantuan sebanyak RM100 juta terhadap misi kemanusiaan kepada Palestin dalam masa terdekat.

Katanya, jumlah bantuan berkenaan akan disalurkan khusus kepada tabung kemanusiaan dan perubatan untuk rakyat Gaza.